

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 FEB 2015

MIC perlu lihat secara holistik, tidakutamakan kepentingan sendiri

# Hormati formula PM

UM - 16/2/2015

Oleh SAFINA RAMLI  
pengarang@utusan.com.my

■ LANGKAWI 15 FEB.

**T**AN Sri Muhyiddin Yassin berkata, barisan kepimpinan MIC harus menghormati formula yang telah diputuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bagi menyelesaikan krisis yang melanda parti itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kepimpinan MIC juga perlu melihat secara holistik bagaimana untuk menyelesaikan masalah parti itu dan tidak mengutamakan kepentingan sendiri semata-mata.

"Untuk menyelesaikan semua masalah dalam MIC sudah ada permuafakatan di depan saya dan Perdana Menteri, masih dalam ingatan saya semua pihak setuju untuk mengadakan pemilihan semula parti, tetapi malangnya ada maklumat yang kata sudah berpatah balik pula.

"Kalau Pengerusi BN sudah rumuskan formula, bila setuju jangan kata tak setuju pula selepas itu dan mula mempersoalkan banyak perkara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis perjumpaan bersama Ketua-ketua Jabatan Daerah Langkawi dan kepimpinan empat peringkat UMNO Bahagian Langkawi di sini hari ini.

Krisis dalaman MIC tercetus selepas Pendaftar Pertubuhan (ROS) membatalkan pemilihan bagi jawatan tiga naib presiden dan 23 ahli jawatankuasa keaja pusat (CWC) dalam Perhimpunan Agung MIC di Melaka pada November 2013.

Semalam, Perdana Menteri memberitahu akan memanggil Presiden MIC, Datuk Seri G. Palanivel dan timbalannya, Datuk



**MUHYIDDIN YASSIN dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Dr. Mahathir beramah bersama beberapa ahli Pergerakan Wanita UMNO di Langkawi, semalam. - UTUSAN/SAFRIZAL AZMI**

Seri Dr. S. Subramaniam sekali lagi untuk berbincang tentang krisis parti berkenaan.

Najib berkata, pertemuan kali kedua dengan kedua-dua pemimpin tertinggi MIC itu dijangka diadakan pada Isnin atau Selasa ini.

Menurut Muhyiddin, formula yang telah dipersetujui itu diyakini mampu mengembalikan MIC sebagai sebuah pertubuhan politik yang berwibawa malah langkah ROS yang mengumumkan pemilihan semula diadakan adalah bertepatan

dengan perlembagaan parti itu.

"Saya tidak mahu menyebelahi mana-mana pihak dalam soal ini, sesiapa sahaja boleh bertanding, Palanivel harus yakin kepada Perdana Menteri dan saya untuk menyelesaikan masalah ini.

"Saya takut banyak orang India yang akan kecewa dan lari daripada BN, walaupun kaum India hanya tujuh atau lapan peratus tetapi mereka ialah aset BN, bila Pengerusi BN masuk campur ia ialah untuk kebaikan kaum India," jelasnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Muhyiddin berkata, langkah untuk membangunkan Langkawi sebagai sebuah destinasi pelancongan pilihan di rantau ini harus dijalankan dengan lebih agresif.

"Walaupun telah banyak produk pelancongan seperti hotel pelbagai bintang, resort dan pelbagai produk lagi dibangunkan, saya percaya perlu diterokai lebih banyak lagi potensi di pulau ini dalam tempoh beberapa tahun akan datang," katanya.